

# DOKTOR MOHAMMAD MOSADDEGH

Orang yang mengarah siasah negerinya dari tidurnya.

Orang tua yang mengemudi bahtera  
negeri Iran di laut minyak pada hari  
ini ialah Doktor Mohammad Mosaddegh  
(Mosaddegh) yang namanya menjadi  
sebutan di segenap pelosok dunia lebih daripada  
sebutan Truman, Churchill, dan  
Eisenhower.

Meskipun kesihatan sentiasa  
terganggu dan kerap kali terkena angin  
pitam apabila semangatnya naik memuncak  
dalam masa berucap dan tangannya pula  
mengelestar tatkala memegang kertas atau pen  
tetapi ia adalah seorang yang berhati berani  
teguh azamnya dan mempunyai riwayat yang  
cemerlang dalam perjuangannya membela tanahair.


Perdana Menteri Iran Doktor Mosaddegh yang telah berusia  
tujuh puluh dua tahun dan telah belayar ke Amerika  
menentang Inggeris di Majlis Bangsa-bangsa Bersatu hanya mempunyai  
dua pasang baju. Salah satunya daripada kain jenis  
yang baik dan yang satu lagi daripada kain kasar yang ditenun  
di Iran. Ia tidak mempunyai pakaian perjawatan (rasmi).

Hidupnya bersahaja, bilik tempat tidurnya hanya  
mengandungi sehelai permaidani buatan Iran dan sebuah  
katil biasa yang terletak berhampiran dengan sebuah lampu  
dan sebuah telefon. Diri atas katilnya inilah ia  
mengarah siasah negerinya.

Buah hatinya!

Doktor Mossaddegh memulakan harinya dari pukul lima  
pagi. Setelah membaca segala surat-surat yang dibawakan kepadanya  
maka pada pukul enam ia akan makan futur iaitu sejenis  
teh Iran, tiga potong roti dan sepotong  
kecil mentega.

Setelah selesai minum pagi ia akan berjumpa



*Ahli-ahli jemaah menteri Iran sedang berunding dengan Perdana  
Menteri Mohammad Mosaddegh yang sentiasa berada di tempat tidurnya.*

-----\*-----\*-----

buah hatinya. Buah hatinya tidak lain daripada cucunya  
“Ma’sumah” yang menjadi kesayangannya dan yang sengaja  
dijemput datang ke biliknya pada tiap-tiap pagi. Ia akan  
tinggal lainnya dan memeluk cucunya tiga suku jam  
lamanya. Inilah hiburannya yang tunggal di dalam hidupnya  
yang patut dengan urusan-urusan yang terlalu rumit itu.

Setelah membaca ringkasan segala siaran akhbar pagi  
yang telah dibawakan kepadanya maka ia pun membaca dan  
menandatangani segala surat dan telegram yang hendak dihantarkan  
ke segala tempat. Pekerjaan ini memakan masa setengah jam.

Sekarang tiba pula giliran doktornya datang memeriksa  
kesihatannya. Doktor “Ghulam Mosaddegh” pada tiap-tiap  
pagi datang merawat ayahandanya yang sentiasa berdiri  
sebagai sebuah bukit menentang Inggeris sekalipun dia  
terlalu uzur dan tidak dapat meninggalkan tempat tidurnya.

Ia akan makan tengahari pada pukul satu  
dikecualikan kalau terlambat oleh sesuatu urusan  
yang besar. Biasanya lepas makan ia akan berbaring kira-kira  
sejam. Setelah ia akan mengurus segala urusan



*Perdana Menteri Iran Mohammad Mosaddegh bersama-sama dengan kanak-kanak daripada keluarganya sedang menawarkan kanak-kanak itu makanan yang dimakannya di tempat tidurnya. Sekalipun sentiasa di tempat tidurnya kerana sakit tetapi umat Iran menumpahkan kepercayaan yang penuh kepadanya untuk menyelesaikan masalah mereka yang yang sulit yang terbit daripada usaha menjadikan minyak Iran itu hak kebangsaan yang telah menggemparkan dunia.*

-----\*-----\*-----\*-----\*-----\*-----\*-----

kerajaan iaitu membaca, menyelesaikan mana-mana yang musykil dan mengambil ketetapan. Selama ia menjadi Perdana Menteri semenjak enam bulan dahulu, tidak pernah meninggalkan pekerjaannya sebelum daripada pukul satu malam sekalipun kesihatan tidak mengizinkan berbuat demikian.

Tujuh tahun dalam penjara

Selain daripada pengetahuannya dalam bahasa Parsi dan bahasa Arab ia telah menuntut di Paris dan mendapat gelaran doktor dalam undang-undang.

Ia telah menghabiskan masa tujuh tahun dalam penjara kerana menentang dasar Shah Iran Almarhum Reza Pahlavi iaitu ayahanda "Shah" yang ada sekarang ini. Penangan penjara inilah yang telah meruntuhkan kesihatannya.

Hidupnya semata-mata untuk Iran sekalipun isterinya kerap kali marah kerana sikapnya enggan menggunakan motokar besar kerajaan. Ia hanya menggunakan teksi sementelah pula keluarganya tidak mempunyai motokar sendiri.

Pada hari ini Doktor Mohammad Mosaddegh kerap kali menyatakan kepada sahabat handainya bahawa ia terasa sangat akan penangan umur tua, tetapi perasaannya yang demikian itu akan hilang lenyap pada tiap-tiap kali ia menghadapi soal pertelingkahan minyak!

---

Alam itu menjadi sahabat orang yang beriman, tenang hati menjadi wazirnya, akal menjadi pedomannya, amal menjadi petunjuk jalannya, sabar menjadi tukang bendirinya sampai dapat ia menakluk musuhnya – kata Subrwi.